# Gembira dapat rumah PPRM

Wartawan Sinar Harian
8 April 2016



Adnan (dua, kiri) dan Tiong Lai (kiri) beramah mesra dengan seorang penerima PPRM, semalam.

BENTONG - Kegembiraan terpancar pada wajah 80 keluarga yang menerima rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat Dimiliki (PPRM) di Kampung Baris, di sini, yang dijangka boleh didiami hujung tahun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, sebanyak 129 unit rumah PPRM dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu dan dapur yang mampu memberi keselesaan kepada keluarga bakal mendudukinya.

Menurutnya, pembinaan rumah PPRM di kawasan itu dapat membantu menyelesaikan masalah perumahan bagi 80 keluarga terbabit selain mengurangkan kos sara hidup mereka.

“Mereka diberi keutamaan untuk diami rumah berkenaan berdasarkan prosedur dan syarat sedia ada. Pelbagai kemudahan termasuk taman permainan disediakan di situ.

“Rumah itu berharga RM30,000 seunit setelah ditolak subsidi kerajaan,” kataketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penyerahan Rumah dan cabutan undi PPRM di Kampung Baris, di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Pengangkutan yang juga Ahli Parlimen Bentong, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Adnan berkata, lebihan unit rumah PPRM akan diuruskan kerajaan negeri.

Beliau berkata, kerajaan akan meningkatkan lagi pembinaan rumah mampu milik untuk rakyat terutama bagi golongan berpendapatan rendah.

***Sumber : http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/gembira-dapat-rumah-pprm-1.507309***